

21/07/1997

Kebersihan wajar jadi budaya hidup

Mohd Fuad Razali

SEWAKTU melancarkan Program Amalan Kebersihan dan Kempen Anti-Denggi di Sekolah baru-baru ini, Datuk Seri Najib Tun Razak menyebutkan antara tugas yang akan dilaksanakan oleh pelajar bagi menjaga kebersihan sekolah masing-masing ialah mengutip sampah di sekitar kawasan sekolah, mengemas bilik darjah, menceriakan bilik khas dan membersihkan tandas.

Kenyataan itu menimbulkan rasa kurang senang di kalangan orang ramai, khususnya ibu bapa. Tinjauan Berita Harian sendiri mendapati ibu bapa menyifatkannya sebagai tidak wajar.

Sebenarnya reaksi sedemikian memang sudah dijangkakan. Malah, sewaktu di majlis pelancaran lagi, Menteri Pendidikan sudah membayangkan perkara itu. Beliau sudah menjangkakan akan wujud ibu bapa yang tidak senang hati anak mereka diberikan tanggungjawab itu kerana berpendapat tugas itu bukan tanggungjawab murid, sebaliknya tanggungjawab pihak sekolah.

Bagaimanapun, sejak awal-awal lagi Najib menjelaskan langkah itu sebenarnya mempunyai tujuan yang murni iaitu untuk menanamkan sikap bertanggungjawab dan perasaan saling bekerjasama menjaga kebersihan, terutama bagi tempat yang menjadi kegunaan awam.

"Kesedaran ini harus disemai sejak kecil supaya menjadi budaya hidup yang subur di kalangan generasi akan datang. Amalan sebegini mempunyai nilai pendidikan yang sangat berkesan.

"Pembabitan murid dalam penjagaan kebersihan sekolah bukan bermaksud mendera, mendenda atau memaksa, sebaliknya yang dihasratkan ialah supaya amalan baik yang disemai dan dipupuk di sekolah dibawa balik ke rumah, di luar sekolah dan masyarakat luar supaya amalan itu menjadi amalan harian setiap murid," katanya.

Sebenarnya hasrat yang tersirat di sebalik program itu adalah jelas. Kebersihan amat berkait rapat dengan seluruh aktiviti kehidupan manusia. Ia adalah amalan dan nilai yang baik serta dituntut oleh agama. Kita memerlukan makanan, pakaian, tempat tinggal dan alam sekitar yang bersih supaya kehidupan menjadi selesa dan menjauhkan diri daripada penyakit.

Dalam usaha membangunkan Malaysia menjadi negara maju dan pusat kecemerlangan pendidikan, kebersihan mestilah dijadikan nilai dan budaya masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah menyuarakan kebimbangannya mengenai taraf dan amalan kebersihan di kalangan rakyat negara ini yang pada pandangannya tidak menunjukkan keseimbangan dengan tahap pembangunan ekonomi negara.

Mengikutnya, paras kebersihan, khususnya di premis kemudahan awam seperti tandas dan tempat rekreasi, masih tidak memuaskan. Tidak ada maknanya jika negara kita semakin maju tetapi taraf kebersihan masih pada tahap negara mundur.

Baru-baru ini misalnya kita digemparkan dengan berita tahap kebersihan yang tidak memuaskan di beberapa sekolah di kawasan bandar. Ada antaranya turut menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

Statistik Kementerian Kesihatan menunjukkan sepanjang 1995, 22.5 peratus kematian yang disebabkan oleh demam denggi adalah terdiri daripada golongan yang berusia antara lima hingga 19 tahun.

Itu hanyalah satu daripada banyak contoh masalah kebersihan. Prihatin akan keadaan inilah yang mendorong Kementerian Pendidikan melancarkan program berkenaan. Seperti kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebung. Sesuai dengan jangkauan kuasanya, maka Kementerian Pendidikan

menetapkan tempat untuk memupuk amalan itu adalah di sekolah.

Bukan itu sahaja, bahkan kebersihan persekitaran sekolah juga adalah penting kerana sekolah yang bersih akan mewujudkan keceriaan serta suasana pembelajaran yang selesa dan murid akan lebih berminat untuk ke sekolah serta cintakan sekolah.

"Apabila ada perasaan sayangkan sekolah, sudah pasti mereka lebih berusaha untuk mengekalkan kebersihan yang sedia ada," kata Najib.

Berikutan itu, Kementerian Pendidikan mengeluarkan buku Amalan Kebersihan Sekolah: Garis Panduan bertujuan menggariskan langkah serta amalan kebersihan di sekolah.

Buku itu menggariskan dengan jelas tujuan serta konsep amalan kebersihan sekolah. Dari segi pelaksanaan pula, ia membabitkan semua pihak, di dalam mahupun di luar kawasan sekolah.

Ia menggariskan mengenai tanggungjawab pelajar, ibu bapa, guru, guru besar/pengetua serta jabatan pendidikan negeri dan daerah.

Untuk itu, buku itu turut mengemukakan beberapa cadangan mengenai aktiviti yang boleh dilaksanakan. Antaranya ialah gotong-royong dengan membabitkan pentadbir sekolah, guru, pelajar, ibu bapa, penjaga, komuniti setempat serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan di sekitar sekolah. Aktiviti itu boleh dilakukan sepanjang tahun.

Selain itu, keceriaan kawasan sekolah pula dicadangkan sepanjang tahun secara terancang dengan diawasi oleh pelajar. Jadual tugas harian juga dicadangkan untuk menjaga kebersihan kelas.

Bagi pemeriksaan kebersihan diri pelajar pula, guru disarankan supaya menggunakan lima minit sebelum waktu pertama pengajaran pada setiap hari persekolahan bagi memastikan kebersihan fizikal murid dalam keadaan baik.

Pemeriksaan taraf kesihatan pelajar dan persekitaran mereka oleh pegawai Kementerian Kesihatan turut dicadangkan dalam buku itu dengan kekerapan sekurang-kurangnya dua kali setahun atau mengikut keperluan semasa.

Sewaktu di rumah pula, pelajar juga perlu mengamalkan kebersihan. Dalam hal ini, ibu bapa atau penjaga perlu turut sama bekerjasama dengan pihak sekolah.

Buku itu mencadangkan supaya ibu bapa melaporkan kepada pihak sekolah mengenai amalan kebersihan anak mereka sewaktu di rumah. Laporan itu dihantar ke sekolah dua kali setahun.

Selain itu, buku garis panduan berkenaan juga mengandungi cadangan senarai semakan yang boleh digunakan. Cadangan yang diberikan dalam buku itu ialah Senarai Semak Kebersihan Kantin yang mengandungi 11 perkara, Senarai Semak Kebersihan Kelas (12 perkara) dan Senarai Semak Kebersihan Tandas (12 perkara).

Senarai Semak Kebersihan Kantin meliputi bilangan dan penggunaan bekas sampah, kekemasan dan kebersihan meja dan kerusi, lantai, sinki air dan makanan, keadaan pekerja kantin, dapur, alatan dan kelengkapan penyediaan makanan dan longkang, pengurusan sisa kering dan basah serta bekas makanan.

Senarai Semak Kebersihan Kelas pula meliputi penggunaan bekas sampah, kebersihan cermin, siling, lantai, susunan meja, kebersihan dinding dan meja serta papan tulis, pengurusan papan kenyataan, penyediaan jadual tugas harian, hiasan serta kelengkapan dalam bilik darjah.

Senarai Semak Kebersihan Tandas pula meliputi kebersihan lantai, keadaan paip air, sinki, mangkuk tandas, punca air, dinding, pintu, flush, sampah dan saliran, penyediaan cecair pencuci serta bau tandas.

Untuk mencapai matlamat program kebersihan itu, buku berkenaan juga turut memberikan cadangan mengenai ukuran standard yang perlu ada di persekitaran sekolah, meliputi asrama, bilik darjah, bilik guru, pejabat, bilik khas, tandas, kantin, kawasan berumput, kawasan bersimen dan berturap, kebun atau taman serta saliran dan perparitan. Yang menariknya,

ia turut meliputi kemudahan yang terdapat dalam kawasan sekolah seperti bangunan, pagar, tiang lampu, bekalan air, bekalan elektrik, telefon, pembuangan sampah dan pili bomba.

Sebagai contoh, ukuran standard amalan kebersihan yang dicadangkan bagi tandas ialah tandas dibersihkan setiap kali lepas digunakan, bekas sampah tertutup disediakan serta lantai dialas pelapik getak pengalir air.

Saranan itu jelas mencerminkan hasrat kementerian membabitkan semua pihak. Seperti kata Najib, selain pelajar, guru, pekerja sekolah mahupun pekerja kontrak dan semua yang berada di sekolah, termasuk pengusaha dan pekerja kantin, asrama dan dapur asrama, mempunyai peranan tertentu menjayakan program ini.

Malah, ahli masyarakat setempat dan semua agensi kerajaan serta swasta dan badan sukarela juga mempunyai peranan masing-masing menjayakan program ini. Antara langkah yang dicadangkan ialah penubuhan Jawatankuasa Amalan Kebersihan di peringkat sekolah, daerah dan negeri.

"Tanpa sokongan dan kerjasama seluruh warga sekolah, usaha untuk memupuk nilai serta amalan kebersihan di kalangan murid tidak akan tercapai," kata Najib.